

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 11 September 2024



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

JULAI 2024

Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 27.0 peratus pada Julai 2024

PUTRAJAYA, 11 September 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Julai 2024**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli meningkat 27.0 peratus pada Julai 2024 (37,960 tan metrik) berbanding pada Jun 2024 (29,881 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 33.0 peratus (Julai 2023: 28,533 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Julai 2024 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (87.5%) berbanding sektor estet (12.5%).

Jumlah stok getah asli pada Julai 2024 menurun 7.6 peratus kepada 148,096 tan metrik berbanding 160,352 tan metrik pada Jun 2024. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 88.7 peratus diikuti kilang pengguna getah (11.1%) dan estet getah (0.2%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 48,199 tan metrik pada Julai 2024, meningkat 21.1 peratus berbanding Jun 2024 (39,803 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 30.0 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Julai 2024 diikuti Emiriah Arab Bersatu (12.3%), India (11.6%), Jerman (10.6%) dan Amerika Syarikat (6.7%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.4 billion pada Julai 2024, meningkat 11.2 peratus berbanding Jun 2024 (RM1.2 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 16.5 peratus (Julai 2024: 647.23 sen sekilogram; Jun 2024: 775.19 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun sebanyak 5.2 peratus (Julai 2024: 670.80 sen sekilogram; Jun 2024: 707.51 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menurun antara 4.6 peratus hingga 16.4 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) menurun 5.9 peratus (daripada USD 1.75/kg kepada USD1.65/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 8.9 peratus (daripada USD2.26/kg kepada USD2.06/kg).


Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Julai 2024, pasaran getah Kuala Lumpur bercampur-campur dengan harga SMR 20 bergerak dalam jajaran terhad manakala harga lateks pekat (60% Kandungan Getah Kering) menurun sepanjang bulan sebelum pulih sedikit menjelang akhir bulan. Secara amnya, sentimen pasaran disokong oleh bekalan ketat getah asli akibat kebimbangan ramalan cuaca buruk di kebanyakan negara pengeluar serta disokong oleh data ekonomi Amerika Syarikat yang positif dan ditambah dengan harapan lebih banyak langkah rangsangan yang didorong oleh prestasi ekonomi China yang lemah.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Julai 2023, Jun - Julai 2024
(‘000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Julai 2023, Jun - Julai 2024
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:
PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 SEPTEMBER 2024

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, 11th September 2024



MEDIA STATEMENT

**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA JULY 2024

Malaysia natural rubber production increased by 27.0 per cent in July 2024

PUTRAJAYA, 11 September 2024 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, July 2024**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production increased by 27.0 per cent in July 2024 (37,960 tonnes) as compared to June 2024 (29,881 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR increased by 33.0 per cent (July 2023: 28,533 tonnes). Production of NR in July 2024 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (87.5%) as compared to estates sector (12.5%).

Total stocks of NR in July 2024 decreased by 7.6 per cent to 148,096 tonnes as compared to 160,352 tonnes in June 2024. Rubber processors factory contributed 88.7 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (11.1%) and rubber estates (0.2%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 48,199 tonnes in July 2024, increased 21.1 per cent as against June 2024 (39,803 tonnes). P.R. China remained as the main

destination for NR exports which accounted 30.0 per cent of total exports in July 2024 followed by the United Arab Emirates (12.3%), India (11.6%), Germany (10.6%) and the United States of America (6.7%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube and rubber thread. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.4 billion in July 2024, an increase of 11.2 per cent as compared to June 2024 (RM1.2 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded a decrease of 16.5 per cent (July 2024: 647.23 sen per kg; June 2024: 775.19 sen per kg) while Scrap decreased by 5.2 per cent (July 2024: 670.80 sen per kg; June 2024: 707.51 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) decreased between 4.6 per cent to 16.4 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has decreased 5.9 per cent (from USD1.75/kg to USD1.65/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 8.9 per cent (from USD2.26/kg to USD2.06/kg).

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in July 2024, the Kuala Lumpur rubber market ruled mixed during the review period with SMR 20 prices moving within the tight range. Meanwhile, the price of centrifuged latex (60% Dry Rubber Content) declined throughout the month before slightly recovering towards month end. Generally, the market sentiment was supported by tight NR supply concerns due to bad weather forecasts in major producing countries and was also supported by positive U.S. economic data which boosted optimism coupled with hopes for more stimulus measures spurred by weak China's economic performance.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber July 2023, June - July 2024
(‘000 tonnes)





Chart 2: Imports and exports of natural rubber July 2023, June - July 2024
(‘000 tonnes)



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
11 SEPTEMBER 2024**